

Barangan dirampas 'penguat kuasa DBKL' berpakaian preman

Peniaga keliru buat laporan polis

Oleh NUR HAMIZAH AHMAD

berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Para peniaga di Jalan Brunei, di sini keliru dan meragui akan kehadiran beberapa orang lelaki yang mengaku sebagai 'penguat kuasa' yang sering mendar-mandir di kawasan itu.

Malah lebih teruk, mereka sering mengadakan 'operasi' merampas barang-barang perniagaan milik peniaga di situ.

Yang menjadi persoalan, kehadiran 'penguat kuasa' yang seringkali beroperasi di situ berani merampas barangan milik para peniaga itu sesuka hati di samping tidak memakai pakaian seragam seperti mana kebiasaan.

Dakwa peniaga terbabit, lelaki-lelaki itu menggunakan kenderaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan operasi merampas itu.

Seorang peniaga 'penguat kuasa' itu, Chong Chan Yue, 41, berkata, minggu lalu dia didatangi seorang lelaki yang menjual alat telekomunikasi.

Lelaki itu terus merampas barang seperti telefon bimbit baru dan terpaksa dan beberapa aksesori telefon bernilai hampir RM 7,000.

"Apabila saya menghidupiri dan bertanya kepadanya, siapa dia, mengapa merampas barang-barang saya, lelaki itu mengeluarkan gari



CHAN YUE (tengah) menunjukkan salinan laoran polis pada sidang akhbar bersama Kui Lun (kiri) di Kuala Lumpur semalam.

dan menunjukkan kepadanya," dakwanya ketika ditemui selepas sidang akhbar bersama Ahli Parlimen Bukit Bintang, Fong Kui Lun di sini semalam.

Tambah Chan Yue, apa yang menjadi persoalan adalah mengenai status sebenar lelaki

itu sama ada dia benar-benar pegawai penguat kuasa atau sebaliknya.

"Ini kerana, semasa operasi itu, lelaki berkenaan tidak mempamerkan pengenalan diri, malah dia bertindak kasar dan memarahi saya sekiranya saya melawan," ujarinya.

Justeru itu, dakwa Chan Yue, dia menzekori lelaki tersebut dan mendapati lelaki itu menaiki kenderaan milik DBKL, dan seterusnya memasuki pekarangan bangunan pihak berkuasa tempatan itu di sini.

"Selepas itu, saya terus pergi bahagian sitaan DBKL dan seorang pegawai telah menunjukkan barangan milik saya tetapi saya dapati beberapa barangan milik saya hilang," jelasnya.

Dia terus bertanyakan pegawai di pejabat itu mengenai kehilangan barang-barang tersebut namun jawapannya amat mengecewakan.

"Apa yang menghairankan saya, lelaki itu kata dia tidak tahu macam mana barang-barang itu boleh hilang, dan lelaki berkenaan menasihati saya supaya membuat laporan polis.

"Saya sudah pun membuat laporan polis dan Biro Pengaduan Awam dan sedang menunggu siasatan mengenai dia dijalankan," ujarinya.

Sementara itu, Pengurus Keselamatan dan Penguatkuasaan DBKL, Rolan Abdul Rahman menjelaskan, pihaknya hanya menjalankan operasi dengan penguat kuasa yang lengkap berpakaian seragam.

"Kalau kami ada strategi tertentu, barulah kami tak pakai pakaian seragam, tetapi kami akan mempamerkan pengenalan diri.

"Apa pun kami akan siasat perkara tersebut," jelasnya.